

UniMAP - ICT Jalin Kerjasama Tingkatkan Kepakaran Teknologi

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melebarkan jaringan antarabangsanya dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Institute of Chemical Technology (ICT), Prague, Republik Czech dalam usaha meningkatkan kepakaran teknologi. UniMAP diwakili Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala ICT diwakili Prof. Ing. Dr Tomas Ruml, Dekan Fakulti Pemakanan dan Biokimia.

Kerjasama ini akan meliputi aspek perkongsian kepakaran teknologi, pertukaran pelajar dan staf, penghantaran pensyarah melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) serta pelbagai kerjasama dalam bidang akademik mahupun penyelidikan.

